

# Ekonomi Malaysia rujukan OIC

Kuala Lumpur: Malaysia dijangka terus menjadi rujukan dalam kalangan negara OIC khususnya dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, penyelidikan piawaian perakaunan Islam yang dijalankan tiga universiti tempatan akan menjadi modul rujukan kepada negara lain mengikut standard kewangan antarabangsa.

“Penyelidikan yang dijalankan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) akan memberi tumpuan kepada sistem perakaunan serta pelaporan bagi wakaf, zakat dan baitulmal.

“Hasil kajian dilakukan akan digunapakai untuk membangunkan standard pengurusan kewangan yang bersistematik mengikut piawaian antarabangsa,” katanya selepas majlis menan-



datangani perjanjian dengan UIAM, UKM dan UUM, semalam.

Menurutnya, sistem berkenaan bukan saja dibangunkan untuk kegunaan Malaysia sebaliknya ia turut membuka ruang kepada negara lain khususnya yang memandangkan penting konsep pengurusan kewangan Islam.

“Ia secara tidak langsung mengukuhkan kepemimpinan Malaysia dalam bidang ini memandangkan selama

“ Hasil kajian dilakukan akan digunapakai untuk membangunkan standard pengurusan kewangan yang bersistematik mengikut piawaian antarabangsa”

*Ahmad Husni Hanadzlah*

ini, Malaysia dilihat sebagai negara yang mampu membantu membangunkan ekonomi umat Islam,” katanya.

Menurutnya, kajian berkenaan akan dijalankan dalam tempoh enam bulan dengan hasil penyelidikan dapat dikongsi menjelang akhir tahun ini yang seterusnya digunakan sebagai input untuk menggubal Piawaian Perakaunan Islam.